



SIARAN MEDIA

LTAT LANCAR KEMPEN MAHABBAH KASIH, MENYANTUNI WARGA ATM

KUALA LUMPUR, 27 MAC 2024 – Bersempena bulan Ramadan 1445H/2024M, Lembaga Tabung Angkatan Tentera ("LTAT") melancarkan Kempen Mahabbah Kasih dalam usaha untuk menyantuni warga Angkatan Tentera Malaysia ("ATM"), khususnya buat para pencarumnya.

Kempen ini menyaksikan sumbangan pek makanan berbuka puasa kepada 850 petugas Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan ("HATTM"), yang merupakan salah satu fasiliti kesihatan dibawah Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera ("PKAT") pada hari Selasa, 26 Mac 2024.

Penganjuran kempen ini bertujuan untuk menyantuni serta mengiktiraf jasa warga HATTM yang juga sebahagian besarnya terdiri daripada pencarum LTAT. Kempen ini juga dianjurkan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepelbagaian fungsi, peranan, tugas dan kepakaran ATM melalui kor atau rejimen yang berbeza-beza termasuklah daripada segi perkhidmatan perubatan dan juga kesihatan yang turut memberi manfaat kepada masyarakat awam.

Serahan sumbangan ini telah disampaikan oleh Encik Mohammad Ashraf Md Radzi, Tanggung Tugas Ketua Eksekutif, kepada Brigedier Jeneral (Dr) Ahmad Zakuan bin Kamaruddin, Ketua Jabatan Makmal Patologi Perubatan HATTM, mewakili Brigedier Jeneral Dato' (Dr) Hj. Mohamad Hatta Bin Hj. Manis, Pegawai Memerintah HATTM. Turut hadir bersama, Dato' Dr. Mohd Nizar Haji Sudin, Ketua Eksekutif Yayasan LTAT dan barisan pengurusan LTAT.

Selain itu, 'Program Agihan Bubur Lambuk' juga adalah salah satu program Mahabbah Kasih LTAT yang akan diadakan pada hari Jumaat, 29 Mac 2024, di Masjid Khalid Al-Walid Kuala Lumpur. Program ini akan menyaksikan pasukan sukarelawan Jalinan Wira LTAT, yang terdiri daripada kakitangan LTAT, dengan kerjasama **Kor Agama Angkatan Tentera ("KAGAT")** dan juga Yayasan LTAT dalam menyediakan serta mengagihkan 1,400 pek bubur lambuk kepada warga ATM dan juga orang awam yang akan hadir ke masjid tersebut.

Menurut Mohammad Ashraf Md Radzi, "Julung kalinya LTAT menganjurkan program seperti ini yang memfokuskan kepada sumbangan secara langsung kepada warga ATM. Usaha kecil ini dilakukan bagi mengiktiraf jasa pencarum LTAT yang bertugas tanpa mengenal penat lelah, termasuklah pada bulan Ramadan,"

Tambah beliau lagi, "Bagi memberi nilai tambah kepada Anggota dan Veteran ATM, pembekal bagi barangan seperti kurma dan kuih raya sepanjang bulan Ramadan diperolehi secara eksklusif daripada **Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera ("PERHEBAT")** dan Veteran ATM. Inilah keunikan yang cuba kami sampaikan di LTAT pada tahun ini, bagi memperkasakan ekosistem Wira ATM. Motto Demi Wira Kami adalah asas kepada perjalanan LTAT dalam memastikan kebajikan Wira ATM terpelihara secara holistik."

LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA (LTAT)
27 Mac 2024

Mengenai Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)

Ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (juga dikenali sebagai Akta 101), LTAT merupakan sebuah institusi badan berkanun yang menyediakan kemudahan Skim Simpanan Persaraan kepada para Pegawai dan anggota lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta pesara tentera. Terbaru, Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 telah diumumkan pindaannya pada 1 November 2022.

LTAT menguruskan RM11.54 bilion Aset Di bawah Pengurusan setakat 31 Disember 2023 dengan pengisytiharan dividen sebanyak 5% kepada pencarum pada tahun 2022, selepas pembayaran tahun sebelumnya sebanyak 4.1% pada tahun 2021, 3.5% pada tahun 2020, 2.5% pada tahun 2019 dan 2% pada tahun 2018.

PERHUBUNGAN MEDIA:

Izzat Alhadjri

Pengarah,

Ketua Komunikasi

E-mel : izzat.alhadjri@ltat.gov.my atau comms@ltat.gov.my

No. Tel : +603-48158888

Laman web : www.ltat.gov.my